

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan pembiayaan khas kepada usahawan MARA yang terkesan dengan wabak COVID-19 memandangkan wabak ini masih belum reda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

MARA sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan usahawan bumiputera dalam mengharungi cabaran dan kesan pandemik Covid-19 terhadap prestasi perniagaan mereka.

Antara langkah yang telah diambil oleh MARA dalam membantu usahawan yang terkesan akibat pandemik ini adalah dengan menyediakan skim pembiayaan seperti berikut:

- i. Skim Pembiayaan Am Khas (SPAK) – Skim ini memberi pembiayaan khas dengan maksimum adalah sebanyak RM10,000 kepada para usahawan. Setakat 30 September 2020, seramai 1,339 usahawan telah mendapat manfaat daripada skim ini dengan implikasi kewangan sebanyak RM10.83 juta.

- ii. Skim Pembiayaan Perniagaan PKS – Setakat 30 September 2020, seramai 111 usahawan telah diluluskan melalui pembiayaan khas ini dengan implikasi kewangan sebanyak RM81.3juta.

Seterusnya, MARA juga mempunyai pelbagai Skim Pembiayaan Perniagaan yang sedia ada dan sentiasa terbuka untuk usahawan memohon melalui pejabat MARA di kawasan mereka.

Sekian, terima kasih.